



Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam satu majlis yang amat bermakna.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) kerana telah sudi menjemput saya bagi melancarkan Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB).

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Sebagaimana kita sedia maklum, pelancaran Pelan Induk ini menjadi detik yang ditunggu-tunggu oleh banyak pihak (bermula daripada penduduk, pemaju, generasi muda sehinggalah pencinta warisan negara) untuk melihat pembangunan semula di kawasan segitiga emas Kuala Lumpur ini menjadi kenyataan. Peristiwa ini akan tersemat dalam lipatan sejarah kerana pada hari ini Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, telah mengambil satu langkah bijak dalam memperkasa dan mengangkat martabat Bumiputera, khususnya Melayu di bandar. Pelan Induk ini menyokong kelima-lima intipati Program Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera yang telah dicetuskan oleh pihak Kerajaan iaitu Mendaya Saing Modal Insan Bumiputera, Memantapkan Pemilikan Ekuiti Bumiputera Dalam Sektor Korporat, Memperkukuh Pemilikan Aset Bukan Kewangan Bumiputera, Memperhebatkan Keusahawanan Dan Perniagaan Bumiputera serta Memantapkan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sehubungan dengan itu, permulaan tahun baru ini amatlah mencabar buat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) yang merupakan sebuah Perbadanan yang unik kerana ia ditubuhkan bagi membangunkan sebuah kawasan yang juga unik. Ini adalah kerana tahun 2015 akan menjadi tahun pelaksanaan pembangunan semula bagi Kampong Bharu dengan terlancarnya Pelan Induk ini. Bagi mendasari dan menyokong pelaksanaan itu, 3 laporan kini

sedang diusahakan oleh pihak PKB. Ia merangkumi Kajian Nilai Hartanah Semasa dan Masa Hadapan, Kajian Model Kewangan Berdaya Maju dan Kajian Terperinci Perundangan Tanah. Ketiga-tiga kajian ini merupakan pelengkap kepada Pelan Induk berkenaan dalam menarik minat pelabur dan pemaju hartanah ke Kampong Bharu.

5. Kerajaan yakin pelaksanaan Pelan Induk ini berupaya menjana potensi hartanah dan mentransformasi ekonomi ke arah peningkatan kesejahteraan hidup yang lebih seimbang. Pelan Induk ini bakal mengubah landskap Bandaraya Kuala Lumpur sekaligus menjadikan Kampong Bharu sebagai satu-satunya penempatan Melayu yang ikonik di tengah-tengah ibu negara. Penyediaan Pelan Induk oleh pihak PKB secara jelas telah menetapkan visi untuk menjadikan Kampong Bharu sebagai “Sebuah Pusat Kebudayaan Melayu dan Enklaf Aktiviti Ekonomi Baru Bandaraya Kuala Lumpur”. Walaubagaimanapun, nilai sejarah, budaya dan warisan Melayu Islam di Kampong Bharu akan terus dipertahankan kerana ciri-ciri inilah yang mengangkat Kampong Bharu sebagai sebuah “Permata Melayu” di tengah-tengah kotaraya Kuala Lumpur.

6. Apa yang pasti, Kerajaan hari ini memberi jaminan bahawa pembangunan semula Kampong Bharu tidak akan sesekali meminggir dan mengabaikan hak pemilik dan pewaris tanah. Saya difahamkan penggubalan Pelan Induk ini melalui proses yang ketat serta melalui beberapa siri ‘engagement’ yang berterusan bersama pemilik dan pewaris tanah seperti Program Turun Padang, Sesi Perbincangan Fokus atau ‘Focus Group Discussion’ dan Sesi Pameran Awam yang menunjukkan penerimaan dan persetujuan untuk Kampong Bharu dibangunkan. Sebagai contohnya, 5 sesi Turun Padang yang diadakan telah dihadiri oleh 2,388 orang atau 56% daripada keseluruhan pemilik tanah Kampong Bharu dan 88% daripadanya menyatakan persetujuan untuk Kampong Bharu dibangunkan. Selebihnya mengambil pendekatan tunggu dan lihat. Semua usaha ini diadakan bagi memastikan penyediaan Pelan Induk ini adalah bersifat menyeluruh dan meraih sokongan serta persetujuan penduduk setempat.

7. Penyediaan Pelan Induk ini menfokuskan kepada dua aspek penting iaitu aspek perancangan fizikal dan aspek pengurusan pembangunan Kampong Bharu yang berkeluasan 301.38 ekar. Pelan Induk ini mencadangkan sejumlah 90 juta kaki persegi luas lantai pembangunan, dianggarkan kira-kira 3 kali ganda pembangunan keseluruhan KLCC. Secara keseluruhannya, Nilai Pembangunan Kasar atau ‘Gross Development Value’ (GDV) bagi pelaksanaan

Pelan Induk ini dianggarkan bernilai RM61 bilion. Dengan nilai potensi pelaburan yang begitu besar ini, ianya dijangka dapat mewujudkan sejumlah 46,237 peluang pekerjaan menjelang tahun 2035 khususnya kepada penduduk Kampong Bharu.

8. Jumlah penduduk di Kampong Bharu turut diunjur meningkat kepada 77,000 orang berbanding 18,372 orang pada masa kini. Bagi menampung jumlah berkenaan, Pelan Induk ini menetapkan penyediaan 17,500 unit kediaman dengan 2,100 unit adalah bagi mix-income housing yang menfokuskan kepada pewaris serta anak-anak Kampong Bharu. Ini merupakan bukti bahawa Kerajaan hari ini akan memastikan tiada pemilik dan pewaris tanah yang akan terpinggir dalam arus Pembangunan Semula Kampong Bharu kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Berdasarkan aspek-aspek fizikal yang dinyatakan, Pelan Induk ini juga memberi penekanan kepada peningkatan kemudahan infrastruktur bagi mengimbangi keperluan masa hadapan Kampong Bharu. Cadangan peningkatan, penaiktarafan dan perubahan jalan-jalan di Kampong Bharu diambil kira. Penekanan kepada penyediaan laluan khas bas transit dengan mengambil kira corak aktiviti dan guna tanah masa hadapan adalah elemen penting yang juga diberi perhatian. Pelan Induk ini juga melibatkan perbincangan terperinci dengan pihak SPAD bagi mewujudkan satu stesen MRT Line 2 dalam Kampong Bharu ini sebagai nadi dan pemangkin pembangunan kawasan istimewa ini.

10. Pelan Induk ini turut juga memfokuskan kepada penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat selaras dengan sasaran 77,000 penduduk yang ditetapkan. Strategi penyediaan kemudahan ini akan berasaskan konsep tier/peringkat. Kemudahan seperti sekolah atau masjid akan disediakan pada Tier Pertama (1) iaitu peringkat Perbandaran, kemudahan tadika, perpustakaan mini dan surau contohnya akan disediakan pada Tier Kedua (2) iaitu peringkat Kejiranan sementara kemudahan-kemudahan lain yang lebih kecil seperti taska, ruang serbaguna atau kafeteria akan disediakan pada Tier Ketiga (3) iaitu peringkat Bangunan.

11. Saya yakin, usaha Kerajaan ini akan mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat khususnya penduduk Kampong Bharu dalam mentransformasi dan memacu sosio-ekonomi negara. Kerajaan juga menyeru dan berharap pihak swasta, badan korporat serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) akan dapat

memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan semula Kampong Bharu ini agar ianya menjadi satu realiti. Pembangunan bercampur yang lengkap dengan komponen kediaman dan perniagaan bersama elemen kemudahan berkaitan, diyakini mampu merangsang minat pelabur. Konsep pembangunan berteraskan People City dengan penyediaan elemen Live, Work, Learn dan Play adalah intipati utama yang terkandung dalam Pelan Induk ini.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu yang telah memberikan sokongan padu serta kerjasama dalam menterjemahkan impian ini menjadi kenyataan.

13. Sekali lagi, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar, Pengerusi Perbadanan dan Majlis Penasihat, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan Pelan Induk ini.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB).

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.